

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan menggariskan jawapan yang paling tepat. DSKP: SP 5.1.3

1. Adakah kamu (hendak , mahu) mengikuti lawatan sambil belajar ke Melaka?
2. Adik saya (masih, sudah) bermain di halaman rumah walaupun emak memarahinya.
3. Kita (mesti, dapat) meminta pendapat orang lain jika gagal mendapat kata sepakat.
4. Apa(-lah , tah) daya saya untuk menghalang tindakan mereka itu.
5. (Hanya, Memang) Ramlah sahabat karib saya.
6. Berapa(-kah, -lah) harga sekilogram gula pasir ini?
7. Saya tidak terlibat (di dalam , dalam) mesyuarat itu.
8. Beliau tidak berada (di dalam , dalam) biliknya.
9. Jarak (di antara, antara) Bandar Anggerik dengan Bandar Mawar hanyalah lima kilometer.
10. Pergaduhan (di antara, antara) saya dan dia telah menjadi buah mulut orang kampung.
11. Kami sentiasa akan berada di (sisi, sebelah) kamu sama ada kamu senang atau kamu susah.
12. Kita tidak boleh bertindak sesuka hati kerana kita sentiasa tertakluk (di bawah, bawah) undang-undang.
13. Beliau ialah ahli silap mata yang terkenal dari (selatan , penjuru) negeri itu.
14. Pemain perlu menyepak bola ke (tengah, penjuru) gawang gol jika ingin mendahului pihak lawan.
15. Sebuah helikopter telah terjatuh (di atas , atas) bumbung rumah banglo milik Datuk Seri Hashim pada malam tadi.
16. Rahimah hidup bahagia di (samping, sebelah) suami tercinta.
17. Hubungan keluarga saya dengan keluarga jiran (sebelah, tepi) rumah kami sangat akrab.